

Meningkatkan Sikap Menghormati Dalam Kalangan Murid Bermasalah Pembelajaran SMK Seri Bemban Melalui Amalan 3S (Senyum, Salam dan Sapa)

Azhar bin Che Mohd Salleh

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bemban, Melaka
azharche6018@gmail.com

ABSTRAK

Amalan 3S (Senyum, Salam dan Sapa) bukanlah sesuatu yang baharu. Amalan ini merupakan sebahagian daripada amalan yang dipraktikkan dalam program guru penyayang. Amalan 3S ini sewajarnya dipraktikkan oleh semua warga sekolah dalam membentuk hubungan yang teraputik dan suasana yang kondusif serta harmonis. Konsep dan amalan 3S ini akan mewujudkan hubungan saling menghormati, sifat kasih sayang, peka kepada keadaan sekeliling dan menjadikan suasana yang kondusif dan harmoni. Amalan 3S merupakan amalan terbaik seorang murid bermasalah pembelajaran yang lebih mesra dipanggil Udin. Amalan 3S yang dilakukan oleh Udin telah membuatkan bukan sahaja guru Pendidikan Khas menyukai dan mesra dengannya namun guru arus perdana juga terlibat sama. Amalan inilah yang pengamal (guru) hendak murid lain contohi dan praktikkan di sekolah bagi meningkatkan sikap hormat dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran terhadap ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan. Amalan 3S yang diketengahkan ini diharap dapat meningkatkan sikap hormat-menghormati dan menegur dalam kalangan murid dan guru serta mengeratkan kasih sayang yang semakin kurang dapat dilihat dalam kalangan mereka. Murid lain sering dilihat sangat jarang bertegur sapa dengan guru walaupun guru berada di sekeliling mereka. Perkara ini merupakan satu senario yang tidak patut dibiarkan begitu sahaja tanpa nilai tambah moral yang baik. Setelah amalan 3S dipraktikkan, didapati sikap hormat murid sesama murid dan guru bertambah baik dan suasana di sekolah lebih harmoni dan mesra di samping mewujudkan hubungan saling menghormati, sifat kasih sayang, peka kepada keadaan sekeliling dan menjadikan suasana yang kondusif dan harmoni.

Kata kunci : Amalan 3S (Senyum, Salam dan Sapa), Pendidikan Khas, Murid Berkeperluan Khas.

Pengenalan Amalan Terbaik

Amalan Senyum, Salam dan Sapa (3S) bukanlah sesuatu yang baharu. Amalan ini merupakan sebahagian daripada amalan yang dipraktikkan dalam program guru penyayang. Amalan 3S ini sewajarnya dipraktikkan oleh semua warga sekolah dalam membentuk hubungan yang teraputik dan suasana yang kondusif serta harmonis. Konsep dan amalan 3S ini akan mewujudkan

hubungan saling hormat menghormati, sifat kasih sayang, peka kepada keadaan sekeliling dan menjadikan suasana yang kondusif dan harmoni di samping dapat membentuk kesantunan berbahasa dalam interaksi sosial selaras dengan kajian tentang kesantunan berbahasa telah dimulakan dengan kesantunan bahasa Jerman oleh Schuler pada tahun 1950 (Noriaty 2012). Kajian ini diikuti oleh Goffman pada tahun 1955 yang menulis tentang ‘Konsep Air Muka’. Goffman (1967) telah mengemukakan ‘Konsep Air Muka’ sebagai interpretasi terhadap teori ‘Kesantunan Berbahasa’ dalam interaksi sosial. Amalan 3S merupakan amalan terbaik seorang murid bermasalah pembelajaran yang lebih mesra dipanggil Udin. Amalan 3S yang dilakukan oleh Udin telah membuatkan bukan sahaja guru Pendidikan Khas menyukai dan mesra dengannya namun guru arus perdana juga terlibat dan mereka melihat Udin sebagai seorang yang beradab sopan. Kenyataan ini disokong oleh kajian Fauziah et.al (2016) dan Muhammad Luqman & Ahmad Fuad (2016) bersetuju bahawa elemen kesantunan berbahasa adalah sebahagian amalan adab sopan yang bertindak ramah dan bertegur.

Amalan inilah yang pengamal (guru) hendak murid lain contohi dan praktikkan di sekolah bagi meningkatkan sikap hormat dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran terhadap ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan. Hasilnya daripada usaha dan galakkan daripada guru-guru Pendidikan Khas dan Pembantu Pengurusan Murid (PPM), ramai dalam kalangan murid-murid Bermasalah Pembelajaran telah berjaya mencontohi amalan yang telah ditunjukkan oleh murid ini.

Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik

Guru (penulis) memilih amalan Senyum, Sapa dan Salam (3S) ini sebagai amalan terbaik yang diamalkan oleh murid bermasalah pembelajaran kerana amalan ini jika diperaktikkan boleh mewujudkan hubungan saling menghormati, sifat kasih sayang, peka kepada keadaan sekeliling dan menjadikan suasana yang kondusif dan harmoni. Bahkan dapat meningkatkan sikap hormat-menghormati dan bertegur sapa dalam kalangan murid dan guru serta mengeratkan kasih sayang yang semakin kurang dapat dilihat dalam kalangan mereka. Di samping itu, melalui amalan ini, hubungan kemesraan antara murid dan guru serta sesama murid akan semakin erat.

Objektif Pelaksanaan

Objektif pelaksanaan amalan terbaik ini ialah:

1. membentuk budaya amalan Senyum, Sapa dan Salam (3S) dalam kalangan murid-murid bermasalah pembelajaran
2. membentuk hubungan yang teraputik dan suasana yang kondusif di sekolah dan
3. membentuk sifat menghormati dan kasih sayang antara murid-murid bermasalah pembelajaran dengan guru-guru SMK Seri Bemban

Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Berikut merupakan proses pelaksanaan amalan Senyum, Sapa dan Salam (3S) oleh murid-murid bermasalah pembelajaran di SMK Seri Bemban.

Jadual 1

Tindakan	Cara Pelaksanaan Amalan Senyum, Sapa dan Salam (3S)
Minggu 1	<p>Semua murid bermasalah pembelajaran di SMK Seri Bemban diajar dan dilatih mempraktikkan Amalan Senyum, Sapa dan Salam (3S) sesame mereka. Menjadikan murid yang diberi gelaran Udin sebagai model.</p> <p>Semua murid akan mempraktikkan :-</p> <ul style="list-style-type: none">- Senyum- Ucapan Assalamualaikum atau selamat pagi- Apa khabar? <p>Murid memberikan tanda hormat seperti menundukkan kepala, membongkokkan badan ke hadapan dan meletakkan tangan kanan di dada kiri semasa mengucapkan salam</p>
Minggu 2	<p>Setiap murid akan diberikan 4 orang guru untuk aplikasikan amalan Senyum, Salam dan Sapa (3S).</p> <p>Guru tersebut akan diberikan borang maklum balas untuk memberikan maklum balas perlakuan murid tersebut.</p>
Minggu 3	Semua borang maklum balas akan dikumpulkan dan dianalisa oleh guru (pengamal)

Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Hasil maklum balas yang diberikan oleh guru daripada amalan Senyum, Sapa dan Salam (3S) yang telah dilaksanakan selama empat minggu oleh murid-murid bermasalah pembelajaran SMK Seri Bemban, menunjukkan bahawa seramai 74 orang guru telah memberikan maklum balas yang betul amalan 3S yang telah dilaksanakan oleh murid-murid berkeperluan khas. Sementara itu 10 orang guru sahaja yang memberikan maklum balas salah mengenai pelaksanaan amalan 3S yang telah dilaksanakan oleh murid-murid berkeperluan khas.

Jadual 2
Amalan 3S yang Betul

Jumlah murid	21 Murid orang	84 Orang guru
Hasil maklum balas guru	Amalan 3S yang betul	74 Orang guru
	Amalan 3S yang salah	10 Orang guru

Jaduan 2 menunjukkan hasil maklum balas 84 orang guru dalam menilai cara pelaksanaan amalan 3S yang telah dilaksanakan oleh murid.

Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, setelah semua 21 orang murid bermasalah pembelajaran SMK Seri Bemban melaksanakan amalan Senyum, Sapa dan Salam (3S) kepada 84 orang guru di sekolah ini selama seminggu, maka penulis melihat amalan ini telah menjadi satu amalan rutin setiap hari murid-murid ini. Diharapkan amalan ini akan dapat mencapai objektif yang diharapkan. Penulis mencadangkan amalan Senyum, Sapa dan Salam (3S) ini dapat diamalkan juga oleh murid-murid dalam aliran perdana.

Rujukan

- Arina Johari. 2016. Manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat. GEMA Online: Journal of Language Studies 16(2):73-94.
- Azwani Masuwai. (2018). *Elemen nilai-nilai murni, sikap dan tingkahlaku dalam pengajaran dan pembelajaran: Khas untuk pelajar dan pendidik ruru*. Coresponding Author, Universiti Pendidikan Sultan Idris. *The Malaysian Journal of Islamic sciences*. Vol 24 Ogos 2018. ISSN 1675-5936 e-ISSN: 2289-4799. Universiti Sains Islam Malaysia 2018. uJournal.usim.edu.my.
- Fauziah Hanim Jalal, Nurul Ain Daud dan Nazariah Abd Samad. (2018. Kesan program pembangunan sahsiah terhadap pembentukan karekter pelajar. Jabatan Psikologi dan Kaunseling. Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak. Malaysia. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*. Vol.6.2018.
- Fadilatul Atqiya. (2018)Implementasi pendidikan karekter melalui budaya 5S (Senyum, Salam, Sapa, Sopan dan Santun) di SMPN 2 Gunung Jati Kabupaten Cirebo.IAI Bunga Bangsa Cirebo. Institut Agama Islam. Fakulti Tarbiyyah. Program Studi Pendidikan Agama Islam, NIM.2014.17.01887.
- Marlyna Maros. 2012. Kesantunan berbahasa dari segi teori dan aplikasi. Dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, Maslida Yusof (pnyt.).Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lampiran 1. (Borang Maklum Balas Pelaksanaan Amalan Senyum. Sapa dan Salam 3(S)

Arahan : Tandakan (✓) jika murid melakukan amalan di bawah dan tandakan (X) jika murid tidak melakukannya

NAMA MURID		
NAMA GURU		
CARA PELAKSANAAN AMALAN SENYUM, SAPA DAN SALAM 3(S)	Tandakan (✓)	Tandakan (X)
SENYUM		
SAPA <ul style="list-style-type: none">- beri salam/- ucapan selamat pagi/- ucapan good morning- bertanya khabar		
Salam <ul style="list-style-type: none">- tunduk kepala- membongkok badan- meletakkan tangan kanan di dada kiri		